



29 Mei 2012  
29 May 2012  
P.U. (A) 164

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2012

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 2)  
ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Mei 2012.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah yang diterbitkan menurut Program Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah dengan nilai nominal sebanyak tiga ribu juta ringgit (RM3,000,000,000.00) ("Program IMTN") oleh Perbadanan Johor ("Penerbit") termasuklah tetapi tidak terhad kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan jaminan ("Jaminan") yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, yang kena dibayar oleh—

(a) Penerbit, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Johor) 2012; [*P.U. (A) 128/2012*];

(b) mana-mana pemegang pemastautin Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah berkenaan dengan pendapatan pelaburan;

(c) mana-mana pemegang bukan pemastautin Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah berkenaan dengan cukai pegangan; atau

- (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah, Program IMTN atau Jaminan, termasuk mana-mana pihak lain yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

**Peremitan duti setem**

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Nota Jangka Sederhana Berasaskan Syariah, Program IMTN atau Jaminan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 28 Mei 2012  
[KK/BPKA/M/(S)/689/1/1; PN(PU2)232/VII]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 2) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 2) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 30 May 2012.

**Remission of Tax**

2. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] shall be remitted in full in respect of any money payable under any agreement, note, instrument or document in relation to any of the Islamic Medium Term Notes issued pursuant to the Islamic Medium Term Notes Programme in nominal value of three hundred thousand million ringgit (RM3,000,000,000.00) ("the IMTN Programme") by Johor Corporation ("the Issuer") including but not limited to any agreement, note, instrument and document in relation to the guarantee ("the Guarantee") provided or to be provided by the Government of Malaysia, which is payable by—

(a) the Issuer, to which this Act applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Johor Corporation) Order 2012 [*P.U. (A) 128/2012*];

(b) any resident holder of the Islamic Medium Term Notes in respect of investment income;

(c) any non-resident holder of the Islamic Medium Term Notes in respect of withholding tax; or

- (d) any other party to any agreement, note, instrument and document in relation to the Islamic Medium Term Notes, the IMTN Programme or the Guarantee, including any party to whom such agreement, note, instrument and document is transferred or assigned.

**Remission of stamp duty**

3. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the Islamic Medium Term Notes, the IMTN Programme or the Guarantee shall be remitted in full.

Made 28 May 2012  
[KK/BPKA/M/(S)/689/1/1; PN(PU2)232/VII]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*